

Headline	Kemudahan selesa, tersusun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	23	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm <sup>2</sup>
Journalist	Yusliza Yakimir Abd Talib	AdValue	RM 13,098
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,294



# Kemudahan selesa, tersusun

■ Wajah baru  
Kompleks  
Tabung Haji  
pastikan  
urusan  
jemaah lancar

Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib  
yusliza@mediaprima.com.my  
Kelana Jaya

Headline	Kemudahan selesa, tersusun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	23	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm <sup>2</sup>
Journalist	Yusliza Yakimir Abd Talib	AdValue	RM 13,098
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,294



**MOHD Rafidi**

**B**agi memastikan ke-selesaian kepada jemaah haji dan ahli keluarga pengiring yang berkumpul di Kompleks Tabung Haji di sini, Tabung Haji melaksanakan pengubahsuaian dan penambahan di beberapa bahagian kompleks berkenaan.

Timbalan Pengerah Tabung Haji Negeri Selangor Mohd Rafidi Ibrahim berkata, urusan di kompleks itu berjalan lancar tanpa sebarang masalah kerana kemudahan yang disediakan pada musim haji kali ini lebih sistematik dan memberi ke-selesaian.

“Dengan kemudahan khe-

mah lebih luas, selesa, lapang serta dilengkapi penyaman udara, kesesakan dapat dikurangkan dan memberi ke-selesaian kepada jemaah dan keluarga untuk berehat sementara menunggu proses daftar masuk.

“Banyak perbezaan dapat dilihat di kompleks ini pada musim haji tahun ini berbanding tahun sebelumnya.

“Melalui data yang dikumpul sepanjang tahun lalu itu, kami merangka penambahan bahagian yang ber-sesuaian untuk memudahkan jemaah,” katanya ketika ditemui di kompleks itu.

Mohd Rafidi berkata, pengubahsuaian turut dilakukan di kaunter pendaftaran penginapan yang sebelum ini dibuat di dalam bangunan kompleks dirasakan mengganggu kelancaran kini diubah ke luar bangunan bagi memudahkan jemaah

haji mendaftar.

Beliau berkata, kaunter penerangan dan kaunter barang kelengkapan turut dipindahkan ke kedudukan yang lebih strategik bagi memudahkan aliran laluan jemaah haji dan orang ramai di kompleks berkenaan.

Selain itu, sebuah skrin paparan gergasi turut ditempatkan di khemah rehat yang memaparkan pelbagai maklumat lebih jelas bagi penyampaian maklumat penerbangan dan carta aliran proses pendaftaran untuk jemaah haji.


“Kemudahan skrin paparan itu bukan saja memudahkan jemaah haji malah memberi maklumat berguna kepada sesiapa saja kerana kami turut memaparkan rukun haji dan hadis sebagai panduan yang secara tidak langsung boleh meningkatkan semangat ahli keluarga untuk mengerjakan Rukun Islam Kelima itu,” katanya.

Katanya, bagi memastikan kelancaran di luar kawasan kompleks pula, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) turun padang bersama Tabung Haji bagi mengawal selia laluan trafik, tempat letak kereta dan aktiviti perniagaan di Kompleks Tabung Haji.

Menurutnya, operasi MBPJ bermula awal bulan ini bagi memastikan laluan trafik di luar kawasan kompleks berjalan lancar dan mengelakkan kesesakan di kawasan terbabit di samping membantu mengawal peniaga tidak berlesen.

**FAKTA**  
Khemah  
menunggu lebih  
luas, lapang serta  
dilengkapi  
penyaman udara

Headline	Kemudahan selesa, tersusun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	23	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm <sup>2</sup>
Journalist	Yusliza Yakimir Abd Talib	AdValue	RM 13,098
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,294



**SKRIN** besar yang ditempatkan di khemah rehat memaparkan pelbagai maklumat berguna.